

### SOALAN NO: 33

KKMM sememangnya bersedia untuk memperuntukkan kempen kesedaran berkaitan hukum hudud kepada rakyat merangkumi semua pelbagai lapisan agama. Pada masa ini, agensi-agensi di bawah kementerian telah pun mula memberi penjelasan berkenaan pelaksanaan undang-undang jenayah syariah contohnya RTM telah pun menyiarkan isu hudud berdasarkan nilai berita dengan menjemput pakar-pakar untuk mendapatkan penjelasan dan pandangan berkenaan isu ini.

Dalam menangani persepsi negatif rakyat terutamanya bukan Islam terhadap Kerajaan berkenaan hukum hudud, JASA dan Jabatan Penerangan menggunakan mekanisme komunikasi bersepadu menerusi media komunikasi bersemuka, cetak, elektronik dan *online* khususnya portal & *blog, facebook, twitter* dan *youtube*.